

**ampun**

kebebasan drpd hukuman  
(kerana dosa atau kesalahan  
yg telah dilakukan), maaf dan  
tuntutan: *meminta ~ atas segala*

...

## Dapatkan saya diampuni Tuhan?

**D**aud, raja Israel telah melakukan kesilapan besar. Dia telah berzina dengan seorang wanita yang sudah bersuami dan kemudian membunuh suami wanita itu demi menutup segala perbuatannya. Kerana hatinya dipenuhi rasa bersalah, dia berseru kepada Tuhan:

*Kasihnilah aku, ya Allah, kerana kasih-Mu; hapuskanlah dosa-dosaku, kerana belas kasihan-Mu sungguh besar. Basuhlah aku daripada segala kejahatanku, dan bersihkanlah aku daripada dosaku. Aku mengakui kesalahanku; aku sentiasa sedar akan dosaku. —Mazmur 51:3-5*

Sekiranya kita jujur, kita semua pernah melakukan kesalahan, sama ada dalam perkara yang kecil mahupun yang besar. Kita bergelut dengan perasaan gagal dan rasa bersalah. Adakah Daud tidak dapat diampuni? Perbuatan yang menutupi perzinaan dengan pembunuhan merupakan suatu hal yang sangat serius, bukan? Namun Tuhan tidak menganggap seperti kita. Alkitab memberitahu kita bahawa sesiapa sahaja yang bersungguh-sungguh meminta ampun daripada Tuhan dan kembali kepada-Nya dalam ketaatan, akan menemukan pengampunan yang sebenar.

Namun, apakah yang akan terjadi kepada mereka yang tidak dapat melupakan segala kesilapan dan perbuatan masa silam? Adakah mereka yang membenci diri mereka sendiri atas apa yang telah dilakukan masih ada harapan?

Bagaimanakah dengan perasaan malu dan kesakitan yang sangat melemahkan kehidupan kita? Adakah perbuatan kita sudah melampau? Bolehkah Tuhan benar-benar mengampuni sesiapa pun—bahkan yang paling jahat?

**Rasa bersalah:** Rasa bersalah wujud dalam banyak bentuk. Sebagai contoh, sebelum Daud meminta

ampun daripada Tuhan atas perbuatan zina dan pembunuhan tersebut, dia telah menderita penyakit jasmani dan tekanan emosi. Dia menggambarkan rasa bersalah itu sangat mengganggunya dengan berkata:

***Ketika aku tidak mengakui dosaku, aku letih kerana menangis sepanjang hari. Siang malam Engkau menghukum aku, ya TUHAN; tenagaku habis seperti embun diserap terik matahari.***

—Mazmur 32:3-4

Rasa bersalah dapat mempengaruhi kita secara fizikal. Ia boleh membawa penyakit, keletihan, tidak cukup tidur (mimpi ngeri/ingatan masa lampau), tekanan atau perkara-perkara yang seperti itu. Rasa bersalah dapat menguasai fikiran kita, membuat kita rasa murung, marah, rasa keseorangan dan tidak berharga. Ia juga dapat merosakkan perhubungan apabila kita mempersalahkan orang lain, berasa jengkel terhadap mereka dan bergelut untuk jujur dengan pergelutan kita.

Seluruh hidup Daud terjejas oleh rasa bersalahnya. Namun dia berseru kepada Tuhan dan menemukan pengampunan. Dia dapat meneruskan hidup. Dia terluka, tetapi mempunyai pengharapan.

Namun, bukankah Daud telah melakukan perbuatan yang keterlaluan dan tidak layak meminta pengampunan? Bukankah lebih baik dia menghormati mangsa-mangsanya dengan menolak belas kasihan dan mati perlahan-lahan dengan membenci diri sendiri? Ini tidak berlaku begitu jika menurut Alkitab.

# Adakah kita layak diampuni Tuhan?

**J**ika kita berfikir bahawa kita tidak layak diampuni Tuhan, harapan masih ada. Tuhan mahu kita tahu bahawa Dia dapat mengampuni semua perkara yang menghantui kita.

Alkitab berkata bahawa Tuhan mengampuni orang yang sungguh-sungguh menyesal dengan kehidupan yang mereka telah lalui. Dia *bukan harus* mengampuni kita—melainkan Dia telah *berjanji* untuk mengampuni kita.

Kita akan membaca bagaimana Tuhan sendiri telah menderita untuk mengampuni kita, walaupun kita tidak layak untuk menerima pengampunan. Dalam kasih-Nya, Tuhan telah menemui jalan untuk menghukum kesalahan-kesalahan kita (yang selayaknya bagi kita), namun Dia masih memberi pengampunan kepada kita yang paling jahat pun.

## KEMURKAAN TUHAN

Kita tidak suka bercakap tentang kemurkaan Tuhan. Tetapi kita perlu memahaminya jika kita ingin

memahami pengampunan Tuhan.

Tuhan menciptakan kita untuk hidup bergaul dengan-Nya. Namun kita lebih suka hidup tanpa Dia, melakukan perkara-perkara kita sendiri, menjalani kehidupan sendiri, menentukan keutamaan hidup kita sendiri serta menilai diri kita melebihi Dia. Kita adalah orang yang bersalah. Kita tidak mempedulikan Tuhan, Pencipta kita. Oleh itu kita menyakiti hati Tuhan, menyakiti orang lain dan melakukan perkara-perkara yang mementingkan diri sendiri. Inilah yang dikatakan sebagai dosa oleh Alkitab. Dosa membangkitkan kemurkaan Tuhan. Ini bukan perasaan marah atau geram yang dialami oleh seseorang yang berasa dirinya tidak dipedulikan. Ia merupakan kemurkaan Tuhan yang benar dan tepat apabila melihat segala sesuatu tidak sesuai dengan jalan-Nya yang sempurna. Kehendak-Nya yang agung untuk kita adalah *sempurna* dan baik. Namun apabila kita melakukan sesuatu tanpa Dia, ini berarti kita menunjukkan bahawa kita melihat jalan hidup kita lebih penting daripada jalan hidup yang dirancang-Nya.

*Kamu degil dan keras kepala. Oleh itu, kamu sendiri yang menjadikan hukuman kamu semakin berat pada Hari Kiamat apabila Allah menyatakan*

*kemurkaan-Nya dan menjatuhkan hukuman yang adil. Hal itu demikian, kerana Allah akan membalas setiap orang setimpal dengan perbuatannya ... Tetapi mereka yang mementingkan diri sendiri dan menolak Allah supaya dapat melakukan kejahatan, akan ditimpa kemurkaan dan kemarahan Allah. Setiap orang yang berbuat jahat akan menanggung kesengsaraan dan penderitaan. —Roma 2:5-9*

Kemurkaan Tuhan bukan satu penyangkalan terhadap kasih-Nya. Dia sangat mempedulikan kita dan Dia tidak mahu membiarkan kita memudaratkan diri kita dan orang lain. Dia sangat mempedulikan kita sehingga Dia marah tentang dosa kita; Dia sangat peduli sehingga Dia melakukan sesuatu tentangnya.

Walaupun kita layak menerima kemurkaan dan hukuman Tuhan, Yesus tidak datang ke bumi untuk menghakimi. Dia datang untuk menyelamatkan kita daripada dosa kita dan kemurkaan Tuhan. Yesus berkata, “Allah mengutus Anak-Nya ke dunia ini bukan untuk menghakimi dunia, tetapi untuk menyelamatkannya. Sesiapa yang percaya kepada Anak itu tidak dihukum, tetapi sesiapa yang tidak percaya sudah dihukum kerana dia tidak percaya kepada Anak Allah yang tunggal” (Yohanes 3:17-18).

Sekiranya kita layak menerima kemurkaan Tuhan, bagaimanakah Yesus dapat berjanji untuk menyelamatkan kita?

## **KEDADILAN TUHAN**

Kita tentu tidak suka apabila penjenayah terlepas daripada hukuman. Sebagai contoh, sekiranya seorang kanak-kanak dibunuh, kita mahu agar orang yang bersalah itu akan mendapat hukuman setimpal dengan perbuatannya. Tuhan berkata:

*Tidak seorang pun yang benar di sisi Allah, tidak seorang pun yang memahami apa yang benar, dan tidak seorang pun menyembah Allah. Semua orang sudah menjauhkan diri daripada Allah; semuanya sudah sesat. Tidak seorang pun berbuat benar; seorang pun tidak!* —Roma 3:10-12

Jika kita adalah pihak yang bersalah, bagaimanakah Tuhan dapat mengampuni kita? Hanya hakim yang jahat akan melepaskan orang yang bersalah. Kalau kita tidak menanggung dosa sendiri, maka siapakah yang menanggungnya? Hanya ada satu Peribadi yang dapat menanggung segala kesalahan yang kita telah lakukan.

Dengan memberikan pengorbanan yang besar, Tuhan membayar harga kerana dosa-dosa kita.



Dengan pengorbanan-Nya yang menakjubkan, Yesus menjadi seorang manusia di bumi untuk mati menggantikan kita. Algojo pada zaman pemerintahan Roma menyalibkan Anak Tunggal Tuhan. Dia sendiri tidak berdosa, sebab Dia adalah sempurna! Namun dalam kesempurnaan-Nya, Dia memilih untuk menanggung kegagalan, keegoan, rasa bersalah dan perasaan malu kita.

Setelah penyaliban-Nya selesai, Tuhan menerima kematian Yesus sebagai bayaran yang “sudah dilunaskan” kerana dosa kita (Yohanes 19:30). Keadilan Tuhan dipuaskan. Yesus, Pencipta kita, menanggung hukuman dosa bagi kita (2 Korintus 5:21), meletakkan segala kemurkaan Tuhan pada diri-Nya, mati di atas kayu salib bagi kita dan terpisah daripada Tuhan, yang kita sepatutnya menanggung perpisahan daripada Tuhan (Matius 27:46).

Tiga hari kemudian, Yesus bangkit daripada kematian. Dengan melangkah keluar dari kubur, Yesus menunjukkan bahawa hukuman kekal ke atas dosa sudah dibayar dengan lunas. Dia juga menunjukkan satu kehidupan yang baharu dengan Tuhan, iaitu kehidupan yang diampuni merupakan satu kebenaran bagi sesiapa yang percaya kepada-Nya.

Menurut Rasul Paulus, Tuhan adalah *adil* (benar dan sempurna) dan ingin *berbaik semula* (dianggap sempurna) dengan semua orang yang percaya pada Yesus Kristus. Dia menulis:

*Jika seseorang melakukan apa yang diwajibkan oleh Taurat, hal itu tidak berarti dia berbaik semula dengan Allah ... kerana tidak ada perbezaan antara orang Yahudi dengan orang bukan Yahudi: Semua orang sudah berdosa dan jauh daripada Allah yang menyelamatkan mereka. Tetapi oleh rahmat Allah yang dikurniakan dengan percuma, hubungan manusia dengan Allah menjadi baik semula, melalui Yesus Kristus yang membebaskan mereka. Allah mempersembahkan Yesus Kristus sebagai korban supaya dengan kematian Yesus, dosa orang diampunkan apabila mereka percaya kepada-Nya. ... Dengan cara itu Allah menunjukkan bahawa Dia adil, dan bahawa Dia menyatakan semua orang yang percaya kepada Yesus sebagai orang yang sudah berbaik semula dengan Allah.* —Romans 3:20-26

## **PENGAMPUNAN TUHAN**

Oleh sebab Kristus mati di kayu salib adalah kerana dosa kita, maka apabila kita percaya kepada-Nya, kita sudah menerima pengampunan yang lengkap. Ini bukan hanya untuk kesalahan kita pada masa

lalu, tetapi juga untuk perkara-perkara yang sedang menjadi pergelutan kita sekarang serta pergelutan kita pada masa hadapan.

**Sekali untuk semuanya:** Pada saat kita percaya kepada Kristus sebagai Penyelamat, kita terlepas daripada hukuman Tuhan. Isunya sudah langgai: kes kita ditutup dan Tuhan tidak akan membuka fail kesalahan kita lagi. Tuhan tidak akan menghukum kita sebab dosa kita telah dihakimi dan dihukum melalui Kristus.

Tuhan dengan kewibawaan-Nya sendiri telah membebaskan kita daripada segala pertuduhan. “Kristus tidak berdosa, tetapi demi kebaikan kita, Allah *meletakkan dosa kita pada Dia*. Dengan demikian kita berbaik semula dengan Allah” (2 Korintus 5:21).

Adakah ini bererti bahawa kita tidak lagi bertanggungjawab untuk semua perbuatan salah yang kita pernah lakukan? Pengampunan Tuhan bukan bererti bahawa tidak akan ada akibat daripada perbuatan-perbuatan kita (Galatia 6:7). Apabila kita melakukan perkara yang salah, melakukan kesilapan dan menyakiti orang, kita masih perlu menghadapi akibatnya. Namun bagi kita yang percaya kepada Kristus, tiada lagi hukuman kerana dosa kita. Itulah sebabnya Rasul Paulus dapat menulis:

*Sekarang kita sudah berbaik semula dengan Allah kerana kita percaya kepada-Nya. Oleh itu kita hidup dalam kedamaian dengan Allah melalui Yesus Kristus, Tuhan kita. Yesus membolehkan kita mengalami rahmat Allah, kerana kita percaya kepada Yesus dan sekarang kita menghayati rahmat itu. Oleh itu, kita membanggakan harapan untuk beroleh bahagian dalam kemuliaan Allah.* —Romans 5:1-2

Perkataan “berbaik semula” menggambarkan status seseorang yang telah membayar lunas semua denda kesalahan mereka. Dalam kes ini, Kristus telah membayar denda itu untuk kita.

Pada hakikatnya, Tuhan berkata kepada mereka yang percaya kepada Kristus (atau yang “beriman” kepada-Nya), “Semua dosa kamu telah dibayar lunas. Anak-Ku mati untuk anda. Jadi, anda boleh berbaik semula melalui Kristus dan menjadi tidak bercela di hadapan Aku. Anda sudah diampuni daripada semua dosa anda dalam ‘pembayaran sekaligus!’ ”

**Lengkap:** ““Berbahagialah orang yang kesalahan mereka **diampuni** oleh Allah, dan dosa mereka **dihapuskan** oleh Allah! Berbahagialah dia yang dosanya **tidak diperhitungkan oleh Allah!**”

(Roma 4:7-8, perkataan yang tebal ditambahkan).

***Diampuni:*** Seorang pendaki gunung yang muda bersusah payah untuk mendaki satu laluan curam dengan beg gelas yang berat. Dia semakin lemah, perlahan dan rebah. Kemudian seorang pendaki yang lebih tua turun, mengambil beban pendaki muda itu lalu mengangkatnya sendiri. Pendaki muda tersebut berasa bebas dan meneruskan perjalanan ini dengan kekuatan baru. Perkataan “diampuni” bererti *mengangkat dan membawa pergi*. Itulah yang berlaku apabila kita menerima pengampunan Tuhan. Dia mengambil kegagalan dan rasa bersalah kita dan meletakkan semua itu pada Kristus.

***Dihapuskan:*** Itu bermakna kesalahan-kesalahan kita ditutupi untuk selamanya. Kita tidak perlu bimbang soal diperhadapkan lagi dengan semua dosa itu. Kita tidak akan melihat semua itu lagi. Kita tidak akan berhadapan dengan hukuman bagi dosa-dosa sendiri.

***Tidak diperhitungkan:*** Tuhan meletakkan dosa kita pada Kristus. Dia mengampunkan dosa-dosa kita. Malah Dia berbaik semula dengan kita kerana Kristus. Tuhan melihat kita sebagai anak-anak-Nya yang sempurna!

Apabila kita menerima pengampunan-Nya, Tuhan menghakimi *semua* dosa yang telah dibayar dengan

penuh. Kristus menjadi Penyelamat dan pembela kita yang di surga (1 Yohanes 2:1). Dia adalah perisai yang melindungi kita agar tidak terpisah daripada kasih Tuhan (Roma 8:28-39).

Bagaimanapun, kita perlu ingat bahawa pengampunan ini hanya diberikan kepada mereka yang percaya kepada Yesus. Pengampunan itu umpama ubat, ia hanya berkesan setelah kita mengambil dan makannya.

*Adakah anda ingin membaca lebih banyak tentang penjelasan Tuhan akan pengampunan yang ingin diberikan-Nya kepada anda? Mintalah seseorang dari gereja anda untuk menolong anda memikirkan ayat-ayat yang terdapat dalam Alkitab ini:*

- Yohanes 3:16; 5:24; 11:25 • Roma 1:16; 5:1; 10:11

**Orang yang diampuni masih memerlukan disiplin Tuhan:** Dengan mati di kayu salib bagi kita, Yesus telah membayar semua dosa kita, mahupun pada masa dahulu, sekarang, bahkan masa akan datang. Bagaimanapun, sebagai orang Kristian, apabila kita melakukan kesalahan dan tidak membetulkan diri kita (1 Korintus 11:31), Tuhan mendisiplinkan kita seperti seorang bapa yang mengasihi (sila baca Ibrani 12:4-11). Ia seperti seorang pemuda yang membawa kereta keluarga keluar tanpa

keizinan. Ibu bapa pemuda itu tidak akan membawa apa-apa kebaikan kepada anak mereka sekiranya mereka bertindak seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku.

Begitu juga, disiplin Tuhan adalah untuk kebaikan kita. Ini bukan bererti Tuhan tidak lagi mengasihi kita. Tetapi ini bererti bahawa Dia mahu kita hidup dekat dengan-Nya, bersikap jujur dengan kesilapan kita supaya kita boleh terus menerima pengampunan dan melangkah ke hadapan daripada kesilapan kita. Dia tidak mahu kita terus terikat dengan rasa bersalah tetapi Dia mahu kita mengalami kasih dan pengampunan-Nya setiap hari. Ini hanya dapat dimungkinkan apabila kita meluangkan masa bersama-Nya melalui doa dan membaca firman Tuhan.

***Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan melakukan apa yang adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan membersihkan kita daripada segala perbuatan yang salah.*** —1 Yohanes 1:9



# Apakah berikutnya?

*“Masanya sudah tiba; tidak lama lagi Allah akan memerintah. Bertaubatlah daripada dosa kamu dan percayalah kepada Berita Baik ini!”*

—Markus 1:15

Apabila Yesus datang ke dunia untuk mati kerana dosa kita, Dia berkata bahawa kita harus percaya pada-Nya!

Dia telah menyelesaikan karya penyelamatan untuk menyelamatkan kita—kita hanya perlu percaya kepada-Nya. Namun masih ada satu perkara yang Dia menyuruh kita lakukan: “bertaubat”.

**Pertaubatan:** Maksud asas bagi “pertaubatan” adalah *perubahan minda* yang mengakibatkan pemutaran dalam pilihan dan tingkah laku kita. Kita bertaubat apabila kita mengubah kepercayaan kita tentang Tuhan dan diri kita. Kita sangat tertekan dengan rasa bersalah, kita berusaha untuk menyelesaikan semua masalah kita dengan usaha sendiri dan kita tidak sungguh-sungguh mahu percaya atau mentaati Tuhan. Pertaubatan berlaku apabila kita berputar ke belakang dan



menghadapi laluan yang bertentangan. Daripada mahu menghadapinya dengan diri sendiri, kita berkata kepada Tuhan “Ya, aku memerlukan Engkau lebih daripada apa pun! Aku tidak mahu menguasai hidup diri lagi, aku hanya menyusahkan diri sendiri. Ampuni dan pimpinlah saya.”

Pertaubatan adalah keputusan untuk mempercayai Yesus dan bergantung kepada-Nya, bukan bergantung kepada diri sendiri. Ia merupakan satu kesedaran bahawa kita sangat memerlukan Yesus!

Mungkin anda sudah dihancurkan oleh keputusan yang anda telah lakukan, perhubungan yang telah anda putus atau kesilapan-kesilapan yang anda telah lakukan. Apabila anda melihat kehidupan anda, adakah anda betul-betul mengharapkan pertolongan daripada seseorang? Di sinilah pertaubatan bermula. Luahkan perasaan anda kepada seseorang di gereja anda, ataupun kepada orang Kristian lain yang anda kenal. Tanyalah sebab mereka mengambil keputusan untuk menyerahkan hidup mereka kepada Yesus dan perubahan yang dibawa oleh keputusan yang diambil.

**Berbuat ‘baik’:** “Tapi bagaimana dengan perbuatan baik yang saya lakukan?” tanya beberapa orang. “Adakah Tuhan akan mengampuni saya

dengan lebih mudah jika saya mempedulikan orang lain dan melakukan perbuatan baik?”

Memang tidak diragui bahawa tindakan kita untuk melakukan perkara baik dan berpusat kepada Tuhan adalah penting bagi Tuhan. Namun perbuatan baik tidak dapat memberikan pengampunan bagi kita.

*Hal itu demikian, kerana dengan rahmat Allah, kamu diselamatkan oleh sebab kamu percaya kepada Yesus. Penyelamatan itu bukan hasil usaha kamu sendiri, melainkan kurnia Allah. Oleh itu kamu tidak mempunyai alasan untuk bercakap besar tentang hal itu. Kita ciptaan Allah dan kerana kita hidup bersatu dengan Kristus Yesus, Allah telah menjadikan kita untuk mengamalkan perbuatan baik, yang sudah disediakan-Nya untuk kita lakukan.* —Efesus 2:8-10

Perbuatan baik bukannya sesuatu yang diusahakan sendiri supaya kita mendapat pengampunan. Perbuatan baik merupakan hasil daripada pengampunan! Mereka yang telah diselamatkan kerana percaya kepada Tuhan ialah “ciptaan Allah,” malah “Allah telah menjadikan kita untuk mengamalkan perbuatan baik, yang sudah disediakan-Nya untuk kita lakukan” (ayat 10). Kita perlu ingat bahawa Tuhan telah mengampuni

kita melalui kematian Anak-Nya sewaktu kita masih derhaka terhadapnya (Efesus 2:1). Ini berarti pengampunan Tuhan terhadap kita adalah berdasarkan kasih-Nya, bukan kita. Sebagai umat yang telah diampuni, yang telah berpaling dan bertaubat, perbuatan baik merupakan petanda kehidupan baru kita dengan Tuhan. Semua itu memperlihatkan bahawa Dia kini berkuasa atas hidup kita dan kita mahu hidup untuk-Nya dan bukan untuk diri sendiri.

Berita baik dalam Alkitab adalah pengampunan yang datang dengan mempercayai Yesus. Tiada yang dapat kita lakukan untuk memperolehnya. Harga terbesar untuk pengampunan ini telah dibayar oleh Tuhan.



# Pertanyaan-pertanyaan Tentang Pengampunan

**P**engampunan merupakan satu topik yang luas. Jangan hairan jika anda mendapat banyak pertanyaan. Berikut adalah beberapa buah fikiran tambahan dan bahagian Alkitab yang menjawab soalan-soalan yang sering ditanya. Pastikan anda juga mengemukakan pertanyaan kepada orang lain di gereja anda. Mereka akan dapat berbual dengan anda dengan lebih lanjut tentang kebenaran yang berhubungan pengampunan Tuhan.

## Bagaimanakah sekiranya saya tidak 'berasa' sudah diampuni Tuhan?

Ramai kita masih bergelut dengan perasaan bersalah dan malu. Selepas memohon pengampunan daripada Tuhan atas perkara-perkara yang kita telah lakukan dan menerima Yesus selaku Penyelamat kita, kita masih dapat berasa bahawa seolah-olah kita tidak diampuni. Kita mungkin berasa bahawa Tuhan sudah menolak kita kerana perbuatan kita yang keterlaluan.

Apabila perasaan bersalah menyerang kita—dan itu akan berlaku—kita perlu mengingatkan diri bahawa pengampunan itu tidak bergantung kepada perasaan kita. Luka-luka lama, pilihan-pilihan bodoh dan keadaan-keadaan yang memalukan boleh kembali ke dalam fikiran kita pada bila-bila masa. Tiba-tiba kita akan berasa tidak berguna dan teruk sekali. Namun ingatan dan perasaan yang mengatakan bahawa kita sudah kehilangan harapan adalah tidak benar.

Pengampunan adalah sesuatu yang dilakukan oleh Tuhan, dan Dia pun sudah melakukannya. Ia didasarkan kisah benar dalam sejarah: Yesus Kristus mati di atas kayu salib demi menggantikan tempat kita dan kembali dengan kehidupan yang baharu bersama Tuhan. Dia telah membayar harga untuk semua perbuatan salah dan kegagalan kita. Apa yang kita dapat lakukan adalah

.....  
*Berita Baik dalam Alkitab adalah pengampunan datang dengan percaya kepada Yesus. **Tiada yang kita dapat lakukan berdasarkan usaha sendiri!***  
.....

menerima kenyataan bahawa kita memerlukan pengampunan. Ia tidak bergantung kepada perasaan kita. Ia tidak bergantung kepada kebolehan kita yang masih boleh meneruskan kehidupan selepas kesilapan-kesilapan masa lampau. Pengampunan adalah sesuatu yang dilakukan oleh Tuhan apabila Dia menganggap kita *bersih* dan *sempurna* kerana Yesus telah mengambil dan menanggung hukuman untuk kita.

Pengampunan berdasarkan fakta, bukan perasaan kita. Jadi pastikan anda meluangkan masa untuk kerap membaca Alkitab. Di sinilah Tuhan mengingatkan kita tentang kebenaran supaya kita dapat bergantung kepada Dia, bukan pada perasaan kita (yang kita sering lakukan apabila kita tidak berhati-hati). Berikut ada beberapa ayat yang penting untuk diingati:

Tuhan membuang kesalahan-kesalahan kita: “Sejauh timur dari barat, sejauh itu juga dibuang-Nya dosa kita” (Mazmur 103:12).

Tuhan tidak mengingat lagi kegagalan kita: “Aku akan melupakan kesalahan mereka dan mengampunkan dosa mereka” (Yeremia 31:34).

Tuhan membatalkan hutang dosa kita: “Aku ini Allah yang mengampunkan dosa kamu” (Yesaya 43:25).

## **Sekiranya saya telah diampuni Tuhan, mengapakah saya masih menderita disebabkan kesilapan masa lampau?**

Diampuni Tuhan bukan bermakna bahawa kita tidak akan berhadapan dengan akibat perbuatan-perbuatan kita. Kita mungkin tidak dapat berdamai sepenuhnya dengan orang yang kita pernah sakiti. Hutang masih perlu dibayar. Kecederaan lama mungkin masih melambatkan pergerakan kita. Tetapi tidak kira apa kesusahan yang kita perlu lalui atau hadapi, kita dapat melakukannya dengan pengharapan. Ini bukan setakat harapan kosong. Ini adalah satu kepastian bahawa setelah kita mati, Tuhan akan mengalu-alukan kita ke syurga selaku anak-anak-Nya.

Dia juga berjanji akan membetulkan kesilapan-kesilapan kita dan menggunakannya untuk sesuatu yang baik, apabila kita meletakkan kepercayaan kita pada-Nya. Paulus, salah seorang penulis Alkitab mengatakan bahawa *“Allah mengendalikan **segala hal sehingga menghasilkan yang baik bagi orang yang mengasihi Dia**”* (Roma 8:28, *perkataan yang tebal ditambahkan*).

Tuhan berjanji bahawa Dia tidak akan membiarkan atau meninggalkan kita (Ibrani 13:5). Kita milik-Nya dan kita melalui segala perkara bersama Dia. Kita

tidak perlu menghadapi apa jua kesakitan dan dugaan hidup dengan bersendirian. Kita juga tahu bahawa tidak akan ada hukuman untuk perkara-perkara jahat yang kita telah lakukan. Kristus telah menanggung semuanya untuk kita. Sekarang kita dapat bercakap dengan yakin kepada Tuhan dan berharap agar Dia akan menolong kita menempuhi cabaran-cabaran yang kita hadapi pada hari ini.

**Adakah Tuhan benar-benar mengampuni orang yang telah melakukan perkara-perkara yang sangat teruk? Tentu sekali sudah terlambat bagi saya untuk meminta maaf.**

Alkitab memberitahu kita tentang ramai orang yang telah melakukan perbuatan-perbuatan yang sangat jahat, namun mereka diampuni oleh Tuhan. Anda boleh membaca kisah-kisah ini dalam Alkitab, supaya kita benar-benar dapat mengenal Tuhan yang berjanji untuk mengampuni semua dosa. Semuanya belum terlambat. Berikut adalah beberapa contoh:

**Penjenayah dijatuhi hukuman mati:** Sewaktu Yesus disalibkan, penjenayah yang disalibkan di sisi Yesus berkata, “Ya Yesus, ingatlah akan saya, apabila Tuan menjadi Raja!” Mahupun terhadap penjenayah yang akan mati tidak lama lagi, Yesus memberikan



janji pengampunan kepadanya: “Percayalah, pada hari ini kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus (Lukas 23:43).

**Petrus:** Petrus merupakan seorang sahabat rapat Yesus. Namun kerana takut nyawanya diancam, dia menyangkal bahawa dia mengenali Yesus sewaktu Dia ditangkap. Yesus mengampun Petrus dan memakainya untuk memulakan gereja (Markus 14:66-72; Yohanes 21:15-19).

**Wanita yang tertangkap basah:** Menurut hukum pada zaman itu, wanita yang berzina itu sepatutnya dihukum mati. Namun Yesus Kristus mengampuni dosa-dosanya dan mengajaknya untuk mengikuti Dia (Yohanes 8:1-11).

**Paulus:** Dia dengan giat mengheret orang Kristian dari rumah dan membunuh mereka. Dalam Kisah Rasul 8, dia berdiri sambil menonton, menganggukkan kepala sebagai tanda bersetuju apabila orang Kristian direjam sampai mati. Namun kemudian dia bertemu dengan Yesus dan menghabiskan sisa hidupnya dengan memberitahu orang lain tentang pengampunan Tuhan (Kisah Rasul-Rasul 9; 1 Timotius 1:15).

## **Bagaimanakah orang yang pernah menyakiti saya?**

Kita diminta untuk “baik hati, saling berbelas kasihan, dan saling mengampuni sebagaimana Allah telah mengampuni kamu melalui Kristus” (Efesus 4:32). Ini bermaksud, sebagai orang yang telah diampuni oleh Tuhan, kita perlu melayani orang lain berdasarkan pengampunan yang kita telah terima daripada Tuhan. Kita tidak perlu lagi menyimpan rasa tidak senang hati atau merasakan kepahitan tentang apa yang dilakukan oleh orang lain terhadap kita.

Untuk mengampuni orang lain bukanlah sesuatu yang mudah dan cepat berlaku. Ia adalah satu keputusan yang kita perlu selalu ulangi (biasanya setiap kali apabila kita teringat akan apa yang orang itu telah lakukan terhadap kita). Dengan mengingat bahawa Tuhan telah mengampuni segala kesalahan kita, ini akan membantu kita menunjukkan belas kasihan kepada orang lain. Bagaimanakah jika mereka tidak layak menerimanya? Jadi, adakah kita pula layak menerima pengampunan Tuhan? Tidak. Harga pengampunan kita datang melalui pengorbanan Anak-Nya. Semakin kita memikirkan pengampunan yang telah kita terima, semakin pula kita dapat menunjukkan pengampunan kepada

orang lain, mahupun kepada orang yang tidak layak menerimanya.

Oleh sebab keadaan yang kita hadapi adalah berbeza, pengampunan kita mungkin juga kelihatan berbeza. Bukan semua perhubungan dapat dipulihkan kepada keadaan sedia kala walaupun kita mengampuni orang yang pernah menyakiti kita. Perhubungan masih dapat berakhir walaupun orang yang terlibat telah mengampuni antara satu sama lain untuk segala kesakitan yang telah dialami.

Adakah anda bergelut untuk mengampuni seseorang? Ini bukannya satu perjalanan untuk berjalan sendirian. Pastikan anda berkongsi dengan seseorang di gereja anda atau seorang sahabat karib Kristian. Mereka dapat berdoa bersama dengan anda serta memberi dorongan sewaktu anda menghadapi dan menyelesaikan isu-isu yang sukar.

## **Adakah perkara yang tidak diampuni oleh Tuhan?**

Sewaktu berkonfrontasi dengan para pemimpin agama Yahudi, Yesus berkata: *“Oleh itu ketahuilah, orang yang berbuat dosa ataupun mengatakan kata-kata kufur, akan diampuni. Tetapi sesiapa mengkufuri Roh Allah, tidak akan diampuni”*

(Matius 12:31-32, perkataan yang tebal ditambahkan).

Ada dua perkara utama yang kita perlu fahami di sini:

- 1. Orang yang berbuat dosa ataupun mengatakan kata-kata kufur, akan diampuni:** Mula-mula, Yesus dengan jelas memberitahu kita bahawa segala kesilapan, kegagalan dan kesalahan (dosa) dapat diampuni. Ini adalah berita baik! Tiada apa-apa yang kita dapat lakukan (kecuali “mengkufuri Roh Tuhan”) yang tidak dapat diampuni oleh Tuhan.
- 2. Sesiapa mengkufuri Roh Allah, tidak akan diampuni:** Jadi apakah maksud ini? Kita perlu tahu bahawa apabila Yesus mengatakan hal ini, Dia sedang bercakap khusus kepada pemimpin-pemimpin agama yang menolak Dia di khalayak ramai. Mereka berkata bahawa mukjizat-mukjizat yang dilakukan oleh Yesus adalah berdasarkan kuasa Iblis dan bukannya pekerjaan Roh Kudus, walaupun mereka tahu perkara yang sebenarnya. Oleh itu, satu-satunya dosa yang tidak dapat diampuni adalah dosa menolak Yesus Kristus, satu-satunya Peribadi yang dapat mengampuni kita.

Tuhan berkata bahawa orang Kristian adalah “milik Allah, Allah mengurniai kamu Roh-Nya yang telah dijanjikan-Nya itu” (Efesus 1:13). Tetapi tindakan yang “mengkufuri Roh Allah” pada dasarnya adalah berkata “tidak” kepada penyelamatan yang mahu diberikan oleh Tuhan. Perbuatan yang mengkufuri Tuhan sebenarnya telah memperkecilkan siapa itu Tuhan, yang bermaksud bahawa kita tidak berminat untuk menjadi milik Tuhan atau menerima pengampunan-Nya. Hanya keputusan yang kita buat ini tidak dapat diampuni. Bagi kita yang telah menyerahkan hidup kita kepada Tuhan, “tidak ada sesuatu pun di alam semesta yang dapat menghalang Allah mengasihi kita” (Roma 8:39). Penyelamatan kita teguh dalam perbuatan Kristus yang sempurna bagi pihak kita!